

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NASIONAL

# Pelajar digalak pakai pelitup muka di sekolah

Taiping: Makluman berkenaan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan usaha mengekang penularan COVID-19 di sekolah dan institusi pendidikan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) pada April tahun lalu masih terpakai hingga kini, kata Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh.

Kah Woh berkata, antara SOP itu membabitkan penggalakan pemakaian pelitup muka kepada guru, murid dan pelajar, selain warga sekolah perlu melakukan ujian kendiri jika bergejala serta sentiasa menjaga kebersihan diri.

"Bagaimanapun, kita tahu isu COVID-19 ini mungkin akan berubah dari semasa ke semasa dan pihak KPM akan sentiasa berbincang serta berkolaborasi

dengan pihak Kementerian Kesihatan (KKM) berkenaan cara atau SOP kita untuk cegah penularan COVID-19," katanya selepas Program Semarak Taiping di sini, malam kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika ditanya langkah kerajaan sekiranya berlaku penularan COVID-19 di sekolah berikut perkembangan semasa wabak itu di dalam negara.

## Situasi kekal terkawal

Pada 29 Disember lalu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dalam kenyataan berkata, situasi kekal terkawal dengan kebanyakannya dilaporkan membaikkan gejala ringan dan tidak memerlukan rawatan di hospital, selain tiada varian baharu COVID-19 yang dikesan

di negara ini.

Di Kuching, wabak COVID-19 masih membimbangkan di Sarawak berikutan 13 kematian direkodkan akibat jangkitan penyakit itu sepanjang tahun lalu.

Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata ia termasuk empat kematian baharu dilaporkan pada Minggu Epidemiologi Ke-51 iaitu antara 17 hingga 23 Disember 2023 dengan tiga daripadanya dilaporkan di Kuching dan satu kes di Miri.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, berkata bagi tempoh sama peningkatan hampir 50 peratus dalam kes jangkitan yang disahkan di seluruh negeri.



Guru, murid serta kakitangan sekolah amat digalak memakai pelitup muka bagi mengekang penularan COVID-19.  
(Foto hiasan)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : NASIONAL

# Pelajar, guru digalak pakai pelitup muka

SOP kekang penularan Covid-19 di sekolah, institusi pendidikan tahun lalu masih terpakai sehingga kini

TAIPING

**M**akluman berkenaan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan mengelakkan penularan Covid-19 di sekolah dan institusi pendidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada April tahun lepas masih terpakai hingga kini, kata Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh.

Kah Woh berkata, antara SOP itu melibatkan penggalakan

pemakaian pelitup muka kepada guru, murid dan pelajar, selain warga sekolah perlu melakukan ujian kendiri jika bergejala serta sentiasa menjaga kebersihan diri.

"Bagaimanapun, kita tahu bahawa Covid-19 ini mungkin akan berubah dari masa ke masa dan pihak KPM akan sentiasa berbincang dan berko-laborasi dengan pihak KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) berkenaan cara atau SOP kita untuk cegah penularan Covid-19," katanya kepada pemberita pada Program Semarak Taiping di sini pada Ahad malam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya langkah kerajaan sekiranya berlaku penularan Covid-19 di sekolah berikutnya perkembangan



KAH WOH

semasa wabak itu di dalam negara.

Pada 29 Disember lepas, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dalam kenyataan berkata situasi kekal terkawal dengan kebanyakannya dilaporkan melibatkan gejala ringan dan tidak memerlukan rawatan di hospital, selain tiada varian baharu Covid-19 yang dikesan di negara ini.

Ditanya jika KPM akan menutup sementara sekolah yang terjejas dengan penularan Covid-19, Kah Woh berkata, kementerian itu akan mengendalikan setiap kes dengan teliti dan mendapatkan nasihat daripada KKM untuk tindakan selanjutnya jika keadaan penularan menjadi serius. - Bernama

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NATION

## 'Wearing of face mask encouraged in schools'

**TAIPING:** The standard operating procedures (SOP) to curb the spread of Covid-19 in schools and educational institutions issued last April by the Education Ministry (MOE) are still applicable, says Wong Kah Woh.

The Deputy Education Minister said the SOP involved encouraging the use of face masks for teachers and students.

School staff members must also self-test if they have symptoms and maintain personal hygiene.

"However, we know that the issue of Covid-19 may change from

time to time.

"The MOE will always discuss and collaborate with the Health Ministry (MOH) regarding our methods or SOP to prevent the spread of the virus," he told reporters at the Sernarak Taiping programme here on Sunday night, Bernama reported.

He said this when asked what steps the government would take in the event of an outbreak of Covid-19 in schools.

On Dec 29, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the situation in the country

remained under control.

He said most cases involved mild symptoms and did not require treatment in hospitals, adding that no new variants had been detected.

Asked whether the MOE would temporarily close schools affected by the spread of Covid-19, Wong said the ministry would handle each case carefully.

He said the MOE would seek advice from MOH for further action if the situation were to become serious.

Wong added that matters relat-

ed to SOP would be finalised after discussions with the MOH.

He said the MOH would continue to monitor the issue and the situation would be assessed after schools reopen (on Jan 2).

Regarding school uniforms, Wong said the MOE had not made a decision on the time frame on the relaxation of sportswear in schools nationwide.

He said although the weather was back to normal now, there were still several schools on the east coast affected by the floods.

"We at MOE always adhere to

the principle of humanity where we want to give our students comfort in their learning. For us, the content of learning is more important than other issues," he said.

On May 20, the MOE did not set a time frame regarding a special permission for students, teachers and members of the implementation group, in all its educational institutions, to wear appropriate sports attire during the hot weather, which occurred at that time.

Its minister Fadhlina Sidek had said the special permission depended on weather conditions.